

BAB 2

DEFINISI DAN TEORI

Pengenalan

2.1 Pidgin, Kreol dan Linguistik

Pidgin dan kreol merupakan variasi bahasa yang penting kerana mempunyai status sosial, kaitan dengan linguistik , teori antropologi dan digunakan dalam komunikasi harian. Variasi pidgin dan kreol tersebar luas di kalangan penutur-penutur di negara New Guinea , Afrika Barat dan Kepulauan Caribbean di mana ia merupakan alat komunikasi yang paling efektif.

Pada peringkat awal , variasi pidgin dan kreol ini seringkali dikenali sebagai bahasa pasar “bastard Portuguese” “nigger French” dan “isikula” (bahasa coolie)

(John Holm 1988:1) Ini adalah kerana variasi pidgin dan kreol dianggap bahagian korupsi daripada bahasa tinggi (bahasa-bahasa Eropah) seperti yang dinyatakan oleh Bloomfield iaitu

“...even linguists thought of pidgin and creole Languages as ‘aberrant’... ”
(Bloomfield 1933:471)

Ia kurang diberi perhatian sebagai objek kajian pada masa itu. Hanya sejak kebelakangan ini ahli-ahli linguist menganggap variasi pidgin dan kreol ini sebagai bahasa baru (new languages) yang digunakan semasa krisis linguistik bagi tujuan keperluan komunikasi. Ini dapat dibuktikan daripada usaha penyelidikan yang dijalankan oleh kreolist seperti **Schuchardt (1980)** di dalam buku **“Language in Society II”** karya Fought yang menganggap individu memainkan

peranan penting dalam proses sosial bahasa kacukan iaitu

“...old and new forms are distributed within a single dialect according to sex, education in the most diverse manner...” (Fought 1982:425)

Sementara Reinecke pula berpendapat sifat semulajadi bahasa pidgin dan kreol ini menjadi “insights” yang penting dalam kajian bahasa iaitu

“...among the localities most suitable for special studies are those in which the marginal languages are spoken....changes there have been very rapid and pronounced. Languages can be observed taking form within a man's lifetime...” (Reinecke 1937:6)

Proses pidginisasi dan kreolisasi pula telah digunakan dalam kajian linguistik sejarah iaitu dalam hubungan kekeluargaan bahasa. Sehubungan dengan itu dalam teori tatabahasa aspek kesejagatan bahasa diberi penekanan. Oleh kerana variasi ini dipertuturkan dalam bentuk verbal dan bukan bahasa tulisan maka kekurangan sumber rujukan lisan ini sebagai bahan pengajaran mewujudkan masalah dalam proses pengajaran-pembelajaran. Namun nilai praktikal dalam kajian bahasa pidgin dan kreol diberi pertimbangan. Misalnya di negara Papua New Guinea, kawasan Vanuatu dan Pulau Cape Verde, variasi pidgin dan kreol dinaikkan tarafnya sebagai bahasa kebangsaan (National Language) – (**John Holm 1988 : 4**). Jelaslah variasi ini mula diberi pengiktirafan kini dalam penggunaan rasmi (official use) berdasarkan usaha-usaha penyelidikan yang telah dijalankan oleh ahli-ahli linguist seperti di atas.

2.2 Definisi Pidgin

Kajian variasi pidgin menghadapi masalah dari segi teminologi dan pentakrifan. Oleh kerana definisi menentukan hala sesuatu penyelidikan maka berikut

dikemukakan beberapa definisi umum variasi pidgin demi pemahaman selanjutnya. Istilah pidgin ditakrif sebagai

“...a variety whose grammar and vocabulary are very much reduced...the resultant language must be native to no one...” (Bloomfield 1933:477)

Unesco pula mendefinisikan pidgin sebagai

“...a language which has arisen as the result of contact between peoples of different languages, usually formed from the mixing of the languages...” - (Muhlausler P, 1986 : 3)

iaitu kacukan bahasa yang merangkumi perkataan yang diambil daripada satu bahasa (world language) disesuaikan (adapt) dengan fonologi dan tatabahasa bahasa (exotik) yang dipertutur oleh pola-pola penutur asli. Bahasa dunia (world language) seperti bahasa Inggeris, Sepanyol dan Perancis adalah bahasa dominan kerana dipertuturkan oleh sebilangan besar penutur.

Variasi pidgin juga dianggap sebagai kompromi linguistik (linguistic compromise) atau “genetic orphans” yang mempunyai dua “foster parents” – yakni satu mengemukakan pola morfologi dan sintaktik dan satu lagi perbendaharaan kata yang asas.

Sehubungan dengan kata-kata Adler iaitu

“...the vocabulary is mainly provided by the language spoken by upper stratum of a mixed society, adapted by the lower stratum to the grammar and morphology of their original language...” (Adler 1977:12)

Pidgin didefinisikan sebagai ‘language melangee’ kerana ia mengandungi kata-kata pinjaman dari satu atau lebih bahasa tetapi aspek morfologi adalah bersamaan dengan bahasa penutur natif. Sesuatu bahasa dikenali sebagai variasi

pidgin jika struktur nahu dan perbendaharaan kata direduksi seperti kata-kata yang diutarakan oleh Hall iaitu

“...its grammatical structure and its vocabulary must be radically reduced, and the language which comes thus into being must not be native to any speakers. Such a language is a ‘pidgin’ ... ” (Hall 1966:20)

Ternyata pidgin adalah bahasa hibrid kerana dianggap sebagai bahasa baru yang mengalami penstabilan dan digunakan dalam komunikasi ‘intimate’ dengan ahli keluarga dan rakan-rakan. Ia wujud sebagai komunikasi resiprokal di kalangan dua penutur dengan latar belakang bahasa yang berbeza. Jadi perbendaharaan katanya adalah terhad dan struktur sintaksisnya kurang kompleks. Pidginisasi berlaku dalam konteks pertembungan bahasa di mana dua komuniti bahasa yang mempunyai bahasa-bahasa berlainan ingin berkomunikasi dan berinteraksi sesama sendiri.

Setelah mengkaji dan cuba memahami definisi-definisi pidgin yang telah diutarakan oleh ahli-ahli linguist seperti di atas maka berikut dikemukakan satu pentakrifan umum yang ringkas dan diharap ia sedikit sebanyak dapat membantu penutur bahasa memahaminya dengan lebih jelas.

Variasi pidgin adalah satu sistem komunikasi yang wujud di kalangan penutur yang tidak berkongsi bahasa pertuturan yang sama tetapi ingin berkomunikasi untuk tujuan perdagangan. Variasi pidgin ini dikenali sebagai bahasa marginal, atau bahasa kacukan. Ia mempunyai struktur nahu dan perbendaharaan kata yang direduksi iaitu mengalami pengguguran unsur-unsur tertentu dalam ayat. Variasi

pidgin merupakan bahasa marginal yang wujud akibat pertembungan bahasa yang digunakan oleh masyarakat yang tidak menepati struktur nahu dan perbendaharaan kata bahasa standard dan bukan merupakan bahasa ibunda mereka. Variasi pidgin ini kurang canggih berbanding dengan bahasa konvensional lain, yakni dikenali sebagai variasi rendah kerana beberapa struktur nahunya direduksi seperti kopula, kata hubung dan unsur kala. Ini dapat dibuktikan daripada variasi ‘Pidgin English’ di Papua New Guinea dan Cameroon dengan bahasa Inggeris standard (sila rujuk rajah 1) yang menunjukkan pengguguran elemen nahu iaitu bahasa Inggeris standard mempunyai bentuk infleksi kata kerja iaitu (go,goes) sementara variasi pidgin (Papua New Guinea dan Cameroon) mempunyai kata kerja yang tetap. (misalnya: go)

(Hall 1966 : 149)

Rajah 1 Kata Ganti Nama Variasi Neo-Melanesia-Cameroon-Bahasa Inggeris

Bahasa Inggeris	Neo-Melanessia	Cameroon Pidgin
You go	mi go	a go
he/she/it goes	yu go	yu go
we go	em go	I go
they go	ol go	dem go

Sumber : (Hall 1966 : 149)

Walaupun variasi pidgin bukan merupakan bahasa natif tetapi ia menjadi perantara komunikasi verbal yang paling berkesan untuk ramai penutur bahasa. Kebanyakan variasi pidgin adalah berdasarkan bahasa-bahasa Eropah yang

dominan seperti bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Sepanyol, bahasa Belanda dan bahasa Portugis yang mencerminkan sejarah zaman kolonial.

Oleh kerana fungsi-fungsi variasi pidgin yang terhad, bahasa-bahasa pidgin biasanya tidak kekal melampaui satu abad, hanya untuk beberapa tahun sahaja. Bahasa ini akan pupus sekiranya penggunaannya untuk tujuan berkomunikasi hilang atau berkurangan apabila komuniti bahasa berpisah. Sementara sebahagian daripada variasi pidgin kekal sebagai perantara komunikasi dan digunakan dalam situasi formal. Kekadang variasi ini diberi status rasmi sebagai lingua franca oleh komuniti bahasa itu. Variasi pidgin adalah bahasa ‘auxiliary’ yang boleh dikategorikan sebagai ‘restricted’ (terhad) atau ‘extended’ (diperluaskan) pidgin.

Variasi ‘restricted’ pidgin wujud akibat pertembungan minimal untuk tujuan perdagangan yang mungkin pupus jika tidak digunakan misalnya variasi pidgin ‘Korean Bamboo English’ (**Todd 1974:5**). Sementara variasi pidgin yang diperluaskan (extended) mempunyai pelbagai fungsi untuk memenuhi keperluan komunikasi misalnya variasi pidgin di kawasan Afrika Barat. Sehubungan dengan kata-kata Loreta Todd iaitu

“...a restricted pidgin is one used for minimal trading purpose and it tends to die out when the reason for its coming into being ends. An extended pidgin does not die out, it is vitally important in a multi-lingual area. Its vocabulary is enriched in the course of time...” (**Todd 1974:5**)

Antara variasi pidgin yang diperluaskan penggunaannya ialah bahasa Krio di Sierra Leone, Tok Pisin di Papua New Guinea dan Chinook Jargon di barat laut Amerika (**Lyons, J 1981:302**)

2.3 Definisi Kreol

Permasalahan tentang definisi linguistik bagi variasi kreol teragak banyak sehinggaakan beberapa isu utama yang berkaitan sukar ditangani. Seperti variasi pidgin bahasa kreol juga mempunyai beberapa pentakrifan yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli linguist.

Variasi kreol dianggap sebagai bahasa-bahasa kacukan yang berkaitan dengan faktor kebudayaan dan kacukan ras. Akibat kacukan ini lahirlah satu sistem baru yang berbeza dengan sistem bahasa induknya. Misalnya kata-kata yang diutarakan oleh **Bailey dan Maroldt** iaitu

“....a creole is the result of mixing which is substantial enough to result in a new system, a system that is separate from its antecedent parent system....”
(Bailey R, 1975:21)

Istilah kreol juga ditakrifkan sebagai variasi pidgin yang menjadi bahasa ibunda sekelompok komuniti masyarakat. Selaras dengan definisi di atas, DeCamp juga mengatakan

“...a creole is a native language for most of its speakers...” (DeCamp 1974:16)

Kenyataan ini disokong oleh Mafeni iaitu

“...creole-as a mother tongue and home language, to what one might call ‘minimal pidgin’...” (Mafeni 1971:95-96)

Yakni variasi kreol berfungsi sebagai bahasa ibunda dan bahasa domestik yang digunakan dalam komunikasi di rumah. Definisi berikutnya dikemukakan oleh Bickerton dalam usahanya mengkaji bahasa kreol yang tulen dan ideal iaitu
“...they (creoles) arose out of a prior pidgin which has not existed more than a

generation...” (Bickerton 1981:4)

Yakni variasi kreol ini wujud di kalangan penutur bahasa di mana 20 peratus daripada penduduk merupakan penutur natif bahasa dominan sementara 80 peratus terdiri daripada komuniti bahasa yang pelbagai (*Muhlausler P, 1986:3*).

Setelah melihat beberapa definisi kreol yang dikemukakan oleh ahli-ahli linguistik seterusnya kita meninjau pula definisi kreol secara keseluruhan. Apa yang dimaksudkan dengan variasi kreol dan kewujudannya sebagai bahasa natif kelompok masyarakat tertentu ?

Variasi kreol merupakan bahasa pidgin yang telah menjadi bahasa natif suatu komuniti iaitu penutur bahasa mula menggunakan variasi ini sebagai perantara komunikasi yang kekal (permanent means of communication). Misalnya disebabkan penjajahan barat kumpulan puak Afrika dengan etnolinguistik yang berbeza dibawa ke benua Amerika sebagai hamba abdi dan bagi tujuan komunikasi dengan majikan lahirlah satu variasi pidgin (bahasa Inggeris) yang dicampuradukkan dengan dialek puak Negro ini (*Lyons J, 1981:302*). Akibatnya variasi ini digunakan turun-temurun oleh generasi hamba abdi dan lama-kelamaan ia menjadi bahasa ibunda komuniti tersebut. Peralihan dari variasi pidgin ke kreol merangkumi perluasan besar dalam sumber - sumber struktur linguistik terutamanya aspek pertimbangan kata, nahu dan gaya bahasa yang perlu disesuaikan dengan keperluan harian komunikasi. Terdapat juga perubahan-perubahan signifikasi dalam pola-pola penggunaan bahasa komuniti bahasa itu. Jelaslah kreol yang timbul daripada variasi pidgin ini menjadi bahasa pertama di

kalangan komuniti bahasa di mana unsur nahu dan leksikalnya mengalami reduksi, struktur sintatik yang terhad serta perbendaharaan kata yang mencukupi bagi keperluan penuturnya. Ia adalah bahasa regular (tetap) yang terdiri daripada sistem nahu yang mudah. Hal ini menimbulkan kata-kata berikut

“...creoles are regular languages, each has its' own phonemes, its grammatical convention and a vocabulary sufficient for the needs of its speakers...”
(Taylor 1963:279)

Hasilnya, wujudlah kombinasi inovatif seperti *fili digalinya (hen's son)* atau “son belong hen” (misalnya: kreol Kristang Portugis) (Rujuk Lampiran 2, MS:134). Variasi kreol adalah bahasa yang unik dan bebas berkembang hasil daripada pertembungan antara dua bahasa. Antara ciri-cirinya ialah reduksi kata nama, penggunaan unsur infleksi bagi kata gantinama (pronoun inflections), penggunaan partikel untuk menggantikan unsur kala dan bentuk reduplikasi (penggandaan).

Kreolisasi merupakan bahasa pidgin yang dinativisasikan. Sesuatu bahasa dinativisasikan apabila ia pertuturkan oleh masyarakat yang pada satu masa menggunakan bahasa yang lain dan bahasa baru ini menjadi bahasa ibunda bagi kelompok masyarakat tersebut.

Kajian variasi kreol berkembang pesat sejak kebelakangan ini. Menurut *Bailey (1975:21)* bahasa kreol menunjukkan persamaan dalam struktur tatabahasanya walaupun variasi ini berasaskan bahasa Inggeris, Perancis, Sepanyol dan Belanda. Dalam beberapa konteks ia hampir menjadi bahasa

standard. Misalnya di kawasan Asia Tenggara variasi kreol ‘Bazaar Melayu’ yang berfungsi sebagai bahasa perdagangan dan perhubungan telah menjadi bahasa kebangsaan Indonesia (*Abdul Razak 1992:4*). Bazaar Melayu yang merupakan variasi pidgin menjadi bahasa ibunda dan perantara komunikasi kebudayaan kebangsaan. Dalam konteks tempatan (Malaysia) terdapat beberapa variasi kreol seperti Baba-Melayu, bahasa Chitty Melaka dan kreol Kristang Portugis yang berfungsi sebagai variasi rendah iaitu sebagai bahasa natif dan bahasa pertuturan domestik. Variasi kreol (Baba-Melayu) dan Kristang Portugis boleh dibezakan daripada bahasa Melayu standard berdasarkan beberapa perkara misalnya:-

- i) Perubahan bunyi vokal a > E (Baba-Melayu- pengaruh dialek Hokkien)

Bahasa Melayu	Baba- Melayu
pasar	pasE
sampai	sampE
pakai	pakE

ii) Perubahan dari segi perbendaharaan kata

Rajah 2 Perbendaharaan Kata Baba – Melayu - Kristang

Bahasa Melayu	Baba - Melayu / Kristang
tandas	Chivan
tangga	loteng
kereta	kareta
meja	meza
garfu	garfo

Sumber : (Chia, F 1980:63) & pemerhatian kendiri

2.3.1 Perbezaan di antara variasi pidgin dan kreol

Salah satu perbezaan yang jelas di antara variasi pidgin dan kreol ialah bahasa pidgin bukan merupakan bahasa ibunda penutur sementara variasi kreol adalah bahasa ibunda sekelompok komuniti bahasa. Walau bagaimanapun variasi pidgin dan kreol tidak mempunyai bentuk tulisan/otografi kerana ia merupakan bahasa tiruan. Ini adalah kerana kedua-dua variasi ini digunakan dalam konteks kasual yang berfungsi sebagai media komunikasi lisan dan hayat penggunaannya bergantung kepada masyarakat yang menuturnya sama ada bahasa itu terus hidup atau pupus begitu sahaja.

Variasi pidgin dan kreol bukan merupakan bentuk tatabahasa yang dipermudahkan tetapi nahu yang distruktur-semula (restructured) sebagai sistem tatabahasa baru yang merangkumi ciri-ciri yang unik iaitu dari pembentukan

sistem verbal yang koheren kepada struktur tahap frasa yang kompleks seperti unsur pancangan (embedding). Dengan kata lain, kewujudan variasi bahasa ini sebagai bentuk yang kekal bukan akibat pengaruh dari bahasa lain tetapi kelahiran satu bahasa baru yang mungkin terus berkembang secara meluas atau pupus selama-lamanya jika tidak digunakan untuk tujuan komunikasi.

2.3.2 *Etimologi pidgin dan kreol*

Bab ini juga meninjau tentang teori asal usul pidgin dan kreol. Berikut adalah beberapa etimologi pidgin dan kreol yang akan dijelaskan. Terdapat banyak kemungkinan yang diutarakan berdasarkan istilah pidgin dan kreol.

Walaupun istilah etimologi adalah kurang jelas namun kamus *Oxford English Dictionary (1991:1097)* menunjukkan ia berasal daripada perkataan Inggeris iaitu ‘business’. Sumber yang lain berasal dari perkataan Hebrew yakni ‘pidjom’ yang bererti ‘exchange, trade, redemption’ (*John Holm, 1988:8*) Antara istilah pidgin yang lain ialah sebutan Cina bagi perkataan Portugis iaitu *ocupacao* (business).

Sementara itu asal-usul variasi kreol berasal dari perkataan Latin *creare* iaitu ‘to create’ atau dari perkataan Portugis *criar* yang bererti ‘to raise’ yang diperkenalkan pada abad ke-16. Asalnya perkataan *criollo* bermaksud ‘a slave in European employment’. Tetapi maksud kreol dalam bahasa Inggeris mengikut kamus *Concise Oxford Dictionary (1994:146)* ialah ‘...descendent of European or Negro settler in West Indies’. Istilah ini akhirnya dikenali sebagai *criollo* dalam bahasa Sepanyol dan *creole* dalam bahasa Inggeris dan Belanda.

2.4 Teori-teori asal-usul pidgin dan kreol

Asal-usul variasi pidgin dapat dikenalpasti sejak awal abad ke-17 lagi. Pada peringkat awal ia dianggap sebagai bahasa ‘auxiliary’ tetapi dengan adanya dokumen sejarah maka ia menjadi tanggapan dalam penjelasan asal-usul, perkembangan serta persamaan yang wujud dalam variasi pidgin dan kreol.

Ahli-ahli linguist dalam usaha untuk menjelaskan asal-usul dan persamaan antara variasi ini, telah memperkenalkan empat jenis teori asal-usul iaitu teori ‘baby-talk’, teori ‘independent parallel development’, teori ‘nautical jargon’ dan teori ‘monogenetic’ (relexifikasi).

2.4.1 Teori ‘Baby-Talk’

Teori ini mengkaji ciri-ciri variasi pidgin English di mana penutur-penutur menggunakan perbendaharaan kata yang mirip kepada pertuturan kanak-kanak iaitu merangkumi kata-kata ‘content’, kurang penggunaan kata tugas (function words) dan elemen-elemen linguistik yang direduksi.

Sehubungan dengan kata-kata Jespersen iaitu

“the imperfect mastery of a language which in its initial stage, in the child with its first language...learnt by imperfect methods, leads to a superficial knowledge of the most indispensable words with the total disregard of grammar...” (Jespersen 1922:234)

Teori ini disokong oleh Bloomfield yang mengatakan

“...the speakers of a lower language may make so little progress in learning the dominant speech, that the masters, in communicating with them resort to ‘baby-talk’. This ‘baby-talk’ is the masters’ imitation of the subjects incorrect speech...” (Bloomfield 1933:472)

Teori ‘baby-talk’ kurang mendapat perhatian umum kemudiannya kerana ia berasaskan konsep peniruan dan tidak mempunyai persamaan ciri-ciri kreol serta pemahaman bersama (mutually intelligible). Ia juga tidak dapat menerangkan persamaan sintaksis variasi pidgin dan kreol yang berkaitan dengan bahasa-bahasa Eropah yang berbeza berbanding dengan bahasa-bahasa dari mana unsur leksikonnya diperolehi.

2.4.2 Teori ‘independent parallel development’

Pelopor teori ini iaitu Robert Hall (1966) menganggap persamaan-persamaan yang wujud di antara variasi pidgin dan kreol kerana bahasa-bahasa ini berasal dari sumber yang sama iaitu bahasa Indo-Eropah dan ramai daripada penuturnya berkongsi bahasa ‘substratum’ yang sama iaitu “*...a common West African substratum... ” (Hall 1966:77).*

Misalnya variasi pidgin English dari Pasifik dan Atlantik mempunyai ciri-ciri yang sama (secara struktur dan leksikal) yang tidak terdapat dalam bahasa Inggeris standard iaitu menggunakan perkataan ‘make’ untuk menyampaikan arahan secara lembut. Contoh variasi Neo-Melanesian : (*mekim dai fai*) ‘put out the fire’ (English) (**Hall 1966:77**). Variasi pidgin digunakan sebagai perantara komunikasi di kalangan penutur yang dominan dan penutur asli yang “inferior” yakni komunikasi yang tidak menekankan unsur ketepatan bahasa.

2.4.3 Teori ‘nautical jargon’

Reinecke (1937) mengutarakan ‘nautical jargon’ sebagai asas kepada variasi pidgin dan Kreol. Penyokong teori ini mengatakan lingua franca kelas telah

disebarkan kepada penutur-penutur asli dari Afrika, kawasan Asia dan Polinesia semasa pertembungan bahasa. ‘Nautical jargon’ menjadi nukleus kepada variasi pidgin yang kemudiannya tersebar mengikut model bahasa ibunda penutur natif. Kesahihan teori ini dapat dibuktikan daripada elemen-elemen nautical variasi pidgin dan kreol dengan leksikon bahasa Eropah.

Rajah 3 Variasi Pidgin Cameroon-Bahasa Inggeris

Pidgin Cameroon	Bahasa Inggeris
hib < heaus	(to push)
jam < jam	(to be stalemated)
kapsai < capsized	(to overturn)

Sumber : (John Holm, 1988:39)

Teori ini gagal menjelaskan hubungan struktural di antara pidgin dan kreol dari bahasa Inggeris, bahasa Portugis, bahasa Sepanyol dan bahasa Perancis.

2.4.4 Teori ‘monogenetik / relexifikasi’

Menurut teori ini semua variasi pidgin dan kreol yang berdasarkan bahasa Eropah adalah berasal dari variasi pidgin Portugis abad ke-15 yakni berasaskan ‘relic’ lingua franca iaitu Sabir yang menjadi bahasa ‘auxiliary’ bagi golongan pedagang dari kawasan Mediterranean yang multilingual. Bukti data menunjukkan perbendaharaan kata lingua franca ini berbeza dari satu kawasan dengan kawasan lain tetapi strukturnya adalah statik dan mempunyai persamaan dengan variasi pidgin dan kreol yang moden.

Selain daripada rujukan textual, persamaan sintaktik dan leksikal juga wujud di kalangan variasi pidgin dan kreol Portugis serta berkaitan dengan bahasa Eropah yang lain. Unsur perbendaharaan kata yang berasal dari bahasa Portugis, wujud juga dalam variasi pidgin dan kreol ‘English’ (misalnya *savi/sabi*). Hampir 30% daripada unsur perbendaharaan kata bahasa Portugis dapat dikenalpasti dalam variasi kreol ‘English’ iaitu Samaraccan. Kesahihan teori ini seterusnya dilihat dalam contoh-contoh relexifikasi iaitu penggantian leksikon dari satu sumber bahasa dengan leksikon dari sumber yang lain.

2.5 Ulasan hasil usaha sarjana lepas

2.5.1 *Van Name*

Sumbangan Van Name (1869- 1870) dalam bukunya *Contributions to Creole Grammar* dikatakan sebagai tahap permulaan kajian secara saintifik bagi bahasa-bahasa kreol. Beliau merupakan pelopor pertama yang mengemukakan beberapa ciri-ciri sintaktik yang lazim wujud dalam variasi kreol Caribbean seperti penggunaan kata ganti nama ketiga untuk menunjukkan bentuk jamak, penggunaan kata kerja ‘give’ dan perkataan ‘body’. Van Name juga menunjukkan persamaan leksikal seperti ‘it has’ yang bermaksud ‘there is’ dan persamaan fonologikal iaitu bentuk vokal yang dinasalisasikan. Sehubungan dengan kata-kata Van Name iaitu proses pidginisasi dan kreolisasi mewakili perubahan bahasa yakni

“...the changes creoles have passed through are not essentially different in kind...but from the greater violence of forces at work they have been far more rapid...here two or three generations have sufficed for a complete transformation...” (*Van Name 1869:123*).

Ahli-ahli linguist sebelum *Van Name (1869-1870)* menganggap variasi kreol sebagai reduksi sumber leksikal bahasa sementara Van Name melihat variasi ini sebagai produk inovasi dan menstruktur-semula bahasa serta kepentingan faktor-faktor sosial dalam kreolisasi.

2.5.2 *Schuchardt dan penyokongnya*

Kajian kreol mulai menular menjelang tahun 1880an dengan tumpuan kepada kajian variasi individu misalnya variasi kreol Perancis. Ini dapat dibuktikan daripada usaha seorang ahli filologi Portugis A. Coelho (1880-86) yang mengkaji asal-usul kreol berdasarkan teori universalist, yakni variasi kreol dilihat berdasarkan keupayaan kesejagatan (e.g. simplification) berbanding dengan pengaruh bahasa substrata. Usaha kajian kreol ini dilanjutkan oleh seorang ahli linguist Jerman iaitu Hugo Schuchardt (1880 dan 1994) yang juga dikenali sebagai ‘father of creole studies’ (*Holm J, 1988:29*). Salah satu daripada faktor yang menarik minat Schuchardt dalam bahasa kreol ialah penentangannya terhadap ‘Hukum Neogrammarian’ iaitu perubahan bunyi yang tetap.

Menurutnya variasi kreol wujud daripada pertembungan bahasa yang mengganggu perubahan bunyi sejarah bahasa. Usaha kajian Schuchardt tertumpu kepada beberapa variasi kreol Portugis seperti Indo-Portugis, Malayo Portugis dan lain-lain yang akhirnya menjadi sumber informasi dan ‘insight’ bagi kajian kreol linguistik seterusnya. Beliau merupakan pelopor disiplin ini yang mengemukakan

kata-kata

"...the importance for general linguistics of the creole dialects has not yet been fully appreciated..." (Schuchardt 1980:91)

iaitu variasi pidgin wujud apabila diperlukan dan mungkin pupus bila tidak berlaku perkembangan linguistik seterusnya yakni tidak digunakan untuk tujuan komunikasi.

2.5.3 *Hesseling*

Usaha Schuchardt dilanjutkan oleh ahli linguist Belanda iaitu **C. Hesseling (1897 dan 1934)** juga dikenali sebagai ahli kreolist moden (**John Holm, 1988:35**). Usaha kajian tertumpu kepada kacukan bahasa (language mixing) dan kreolisasi. Beliau telah mengemukakan teori iaitu variasi kreol yang dipertuturkan oleh kaum hamba abdi di tanah jajahan Belanda di Afrika Selatan (abad 17 & 18) telah mempengaruhi perkembangan kaum Afrikan. Beliau juga menganggap pertuturan penutur bukan asli terhadap sumber leksikal bahasa adalah lebih berpengaruh (influential) dalam proses pidginisasi dan kreolisasi berbanding dengan penutur natif bahasa itu. Walaupun Hesseling menunjukkan ciri-ciri substrata dalam variasi kreol tetapi beliau tidak mengatakan nahu variasi kreol berasal dari bahasa-bahasa substrata. Beliau mengekalkan perbezaan di antara *gemengde taal* atau bahasa yang melalui kacukan dan *mengeltaal* (bahasa kacukan) iaitu nahu yang dipengaruhi atau leksikon yang dipinjam (**John Holm, 1988:36**). Maka variasi kreol diklasifikasikan sebagai *mengeltaal* yang wujud akibat pertembungan bahasa yang berbeza.

2.5.4 Reinecke dan penyokongnya

Reinecke (1937) menganggap pidgin dan kreol sebagai bahasa ‘marginal’ (*John Holm , 1988:38*) yang wujud di mana-mana sahaja terdapatnya komuniti bahasa yang menggunakannya untuk tujuan komunikasi. Beliau mengutarakan variasi kreol sebagai pidgin yang kekal. Perkahwinan campur merupakan salah satu faktor yang membentuk variasi kreol yang kemudiannya menjadi bahasa di kalangan penutur kacukan. Usaha beliau dapat dilihat dalam kajian disertasinya iaitu perkembangan ‘Hawaiian Creole English’ (diterbitkan pada tahun 1969) masih dianggap sebagai sumber maklumat utama tentang linguistik pada masa itu. Begitu juga dengan tesis kedoktorannya yang bertajuk ‘Marginal Languages : A Sociological Survey of the Creole Languages and Trade Jargons’ (1937). Walaupun cadangan-cadangan beliau diketepikan tetapi Reinecke merupakan pelopor utama dalam kajian moden variasi pidgin dan kreol yang berkaitan dengan disiplin sosiolinguistik.

2.5.5 Hall dan Taylor

Minat terhadap kajian variasi pidgin dan kreol mula menular selepas Perang Dunia Ke-2 yakni (akhir tahun 50an) berdasarkan hasil usaha ahli linguist terkenal Hall (1966) yang mempunyai pengetahuan variasi pidgin yang luas. Menurut beliau akibat penjajahan barat di kawasan Asia, Afrika dan Amerika, variasi pidgin menjadi perantara komunikasi di antara penjajah dan penutur tempatan yang tidak menekankan unsur ketepatan bahasa (*John Holm ,1988:42*).

Hasil usaha Hall (1966) dapat dilihat dalam kajian linguistik roman dan linguistik am dan minatnya terhadap kajian bahasa pidgin dan kreol muncul apabila beliau mengkaji tentang Creole Sranan English dan Haitian Creole dan akhirnya beliau memperkenalkan teori asal-usul variasi pidgin. Hall dan Taylor (1963) merupakan pelopor linguistik moden yang telah memperkenalkan kepentingan teoritis bahasa-bahasa yang distruktur semula. Data daripada kajian pidgin dan kreol digunakan untuk menguji kesahihan hipotesis mereka. Taylor (1963) pula mengkaji tentang variasi pidgin di kawasan Hindia Barat mengutarakan penutur dominan tidak menggalakkan penutur asli mempelajari bahasa mereka dengan betul dan tepat. Akibatnya variasi pidgin ini menjadi variasi kreol (bahasa ibunda) dengan unsur fonologi, tatabahasa dan leksikelnya distabilkan. Jadi jelaslah asal-usul variasi pidgin muncul disebabkan oleh pertembungan dua kebudayaan dan bahasa yang berlainan dan bertujuan sebagai perantara komunikasi di kalangan penutur.

2.5.6 *Alan Baxter*

A. Baxter (1988), salah seorang sarjana Barat keturunan Australia yang telah menunjukkan minat yang mendalam dalam kajian variasi kreol tempatan Asia Tenggara iaitu Kreol Kristang Portugis di Melaka. Hasil usaha beliau dapat dilihat dalam tesis kedoktorannya (1988) dengan tumpuan kepada kajian struktur nahu Kristang Portugis termasuk perbincangan tentang unsur fonologi dan konteks sosiosejarah penutur Kristang. Kajian tatabahasanya berunsur deskriptif dengan tujuan mengemukakan struktur asas tatabahasa Kristang dan bukan berpandukan linguistik teoritis. Walaupun tumpuan kajian beliau adalah

terhadap unsur morfosintaksis Kristang, yakni fokus kepada struktur tatabahasa Kristang, namun Baxter juga mengkaji tentang bidang fonologi Kristang yang selama ini diketepikan iaitu bidang yang kurang dibincang oleh sarjana lain sebelumnya seperti Rego (1941) - kajian beliau tertumpu kepada elemen morfologi dan sintaksis sementara Knowlton (1964) - mengkaji tentang leksikon dan unsur tatabahasa Kristang.

Usaha pendokumentasian data kreol Kristang ini dianggap penting oleh Baxter (1988) kerana ia dapat memberi satu gambaran jelas tentang penyebaran linguistik variasi kreol Portugis di kawasan Asia dan dapat digunakan sebagai rujukan umum dalam penyelidikan variasi kreol selanjutnya. Hasil dapatan beliau juga sedikit sebanyak membantu semasa membuat perbandingan dengan variasi kreol Portugis lain seperti variasi kreol Portugis di Sri Lanka, Kepulauan Cape Verde dan Macau (**Baxter, A 1988:3**).

Jelaslah di sini usaha pengumpulan data Kristang oleh Baxter bukan sahaja menjadi asas bahkan pembuka tirai kepada penyelidikan variasi kreol yang lain.

Kesimpulan

Bab ini telah menyentuh beberapa aspek yang berkaitan dengan definisi dan teori variasi pidgin dan kreol. Perbincangan tentang pelbagai pentakrifan dan ciri-ciri variasi pidgin dan kreol telah membantu mengukuhkan lagi pemahaman kita. Begitu juga pengetahuan etimologi pidgin dan kreol serta teori-teori yang relevan seperti teori ‘baby-talk’, teori ‘independent parallel development’, teori ‘nautical jargon’ dan teori relexifikasi telah menunjukkan penerangan yang jelas berdasarkan asal-usulnya. Hasil usaha dan penyelidikan variasi pidgin dan kreol yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli kreolist terkenal seperti *Schuchardt (1980)*, *Reinecke (1937)*, *Hall (1966)*, *Baxter (1988)* dan lain-lain juga memberi maklumat yang jelas dan terperinci tentang usaha pendokumentasian dan sebagai sumber rujukan utama kajian variasi pidgin dan kreol selanjutnya.